

18/05/1999

Asnita terus perkukuh kedudukan

Norzilawati Abdul Halim

SEJAK pelancarannya pada 5 Mei 1998, Amanah Saham Wanita (Asnita) memperlihatkan kemunculan yang teguh dan kukuh serta berazam untuk bersaing dengan amanah saham lain.

Kini, setelah genap setahun Asnita dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Asnita menunjukkan pertumbuhan yang amat memberangsangkan.

Hijrah Unit Trust Management Berhad (Hijrah) dilantik dan diamanahkan dalam pengurusan dan mempromosi Asnita kepada umum. Walaupun pada peringkat awalnya reaksi yang diterima kurang memberangsangkan, dengan sokongan kuat daripada kerajaan, Hijrah mampu menaikkan taraf Asnita ke tahap yang membanggakan.

Sehingga kini Asnita mempunyai 70,000 pelabur dengan nilai saham RM69 juta. Ini sekali gus menolak tanggapan menyatakan program Asnita tidak dapat bersaing dengan amanah saham yang lain.

Pengerusi Eksekutif Hijrah, Rohani Mohd Shahir berkata, Asnita dilancarkan ketika Indeks Komposit BSKL berada pada paras 608 mata. Walaupun pasaran menjunam hingga 262 mata pada September 1998, Nilai Aset Bersih (NAB) Asnita hanya jatuh 17 peratus jika dibandingkan dengan 68 peratus pembedahan pasaran saham.

Katanya lagi, sehingga 24 Disember 1998, Asnita sudah mencatat keuntungan untuk diagihkan sebagai dividen kasar sebanyak 8 peratus dalam tempoh lapan bulan.

Mengikut perkiraan, pelabur yang membeli Asnita pada harga 50 sen pada tahun lalu sudah mendapat pulangan berjumlah 17.29 peratus setahun. Ini termasuk pertambahan unit di segi modal dan dividen bersih.

"Wanita selalunya tidak mahu terbabit dengan pelaburan berisiko tinggi. Mereka selalunya tidak mahu mengambil risiko, tetapi mengharapkan pulangan yang menguntungkan.

"Sebagai pilihan pelaburan jangka masa panjang, pihak pengurusan dana Asnita yang berdisiplin tinggi dan berkelayakan sentiasa membuat persediaan dengan kemahiran dalam pembahagian aset dan pemilihan stok," kata Rohani.

Selain itu, Hijrah memperuntukkan 10 peratus daripada strategi pengurusan dalam bentuk pembiayaan bagi modal teroka di mana bantuan dapat diberikan kepada usahawan wanita yang berpontesi.

"Kami juga menyediakan keistimewaan dari segi takaful atau perlindungan insurans Islam yang menarik. Kadar minimum pelaburan permulaan kami yang bernilai RM100 dan pelaburan tambahan minimum RM50 mampu dibeli setiap orang. Walaupun begitu, tiada had maksimum bagi pelaburan permulaan dan tambahan," tambah Rohani.

Seminar perancangan kewangan percuma dalam bentuk tajaan siaran radio untuk membantu pelabur wanita merancang dan menyusun keperluan kewangan setiap ahli keluarga juga diadakan. Hijrah turut membantu dengan merancang untuk menyalurkan sebahagian kecil keuntungan bagi membantu peniaga kecil dan penjaja wanita, pusat pertolongan wanita, ibu tunggal dan anak-anak yatim.

Sempena sambutan ulang tahun pertama Asnita, Hijrah menganjurkan Kuiz Ulang Tahun Pertama Asnita kepada pemegang unit yang mempunyai nilai pelaburan minimum RM500 pada 7 Jun 1999.

Oleh kerana sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai, Hijrah menunda tarikh tutup penerimaan daripada 30 April 1999 kepada 7 Jun tahun

ini. Pelbagai hadiah menarik disediakan untuk pemenang.

Sementara itu, pada Ahad 27 Jun ini, Hijrah dengan kerjasama Syarikat Takaful Malaysia dan Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) akan menganjurkan program Asnita '99. Pelbagai acara menarik diadakan, antaranya persembahan Istimewa Bersama Raihan. Manakala M&M Food Marketing Sdn Bhd menaja minuman kesihatan Jus Kurma Madu `Yes Raihan' pada sambutan ulang tahun itu.

(END)